

SIARAN MEDIA

8 Ogos 2020

**USAHA MENYELAMATKAN DAN MELANJUTKAN USIA BANGUNAN GEORGE TOWN WORLD HERITAGE INCORPORATED DAN MENAIKTARAFKANNYA KEPADA PUSAT PENDIDIKAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN DALAM BIDANG WARISAN**

GEORGE TOWN: Usaha pemulihan, pembaikan dan rejuvenasi bangunan pejabat George Town World Heritage Incorporated di persimpangan antara Lebuah Carnarvon dan Lebuah Aceh telah bermula. Bangunan warisan dengan gaya senibina *Late Straits Eclectic* akan meneruskan perannya sebagai pejabat George Town World Heritage Incorporated dan dinaiktarafkan sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam bidang warisan apabila projek telah disiapkan.

Bangunan tersebut telah direka bentuk oleh arkitek Encik Chew Eng Eam pada tahun 1921. Beliau juga bertanggungjawab dalam reka bentuk bangunan Loke Thye Kee, Majestic Theatre dan Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang.

Bangunan tersebut telah digunakan sebagai Pusat Warisan Pulau Pinang dari tahun 2005, sebelum digunakan sebagai pejabat George Town World Heritage Incorporated sejak tahun 2010.

Dalam penyampaian ucapan perasmian oleh YB Tuan Teh Lai Heng (Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli Dewan Undangan Negeri KOMTAR dan Ahli Lembaga Pengarah George Town World Heritage Incorporated) semasa Majlis Perasmian Projek Kerja Membaikpulih Bangunan George Town World Heritage Incorporated pada 8 Ogos 2020, beliau menyatakan bahawa bangunan ini akan terus berfungsi sebagai pejabat George Town World Heritage Incorporated tetapi akan dinaiktarafkan sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam bidang warisan untuk mendidik pengunjung tentang pemuliharaan dan pengurusan warisan yang mampan dan menyeluruh.

Penekanan tentang kepentingan dalam usaha menyelamatkan dan melanjutkan jangka hayat bangunan, YB Teh Lai Heng mengatakan bahawa projek ini akan membetulkan kedudukan kekuda pada bahagian bumbung yang tidak selari, memperbaiki keretakan pada dinding dan mengurangkan tekanan dan beban pada dinding bangunan. Projek ini juga akan bereksperimentasi pada ruang pengudaraan untuk mengatasi masalah kelembapan yang merupakan masalah biasa yang dihadapi oleh bangunan-bangunan warisan di George Town.

"Telaga udara pada bangunan ini akan dikembalikan semula bagi membolehkan pencahayaan secara semulajadi berlaku. Pintu penghadang banjir dan kemudahan pemadam kebakaran aktif (seperti pintu rintangan api dan sistem *sprinkler*) akan dipasang. Sistem penghawa dingin dan pencahayaan yang cekap tenaga juga akan diperkenalkan dalam usaha mencari kaedah yang terbaik untuk menjimatkan kos penyelenggaraan bangunan warisan," katanya.

Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated Dr Ang Ming Chee juga menyatakan bahawa pengalaman sebagai Pengurus Tapak Warisan Dunia George Town telah mendorong pejabatnya mencari kaedah pemuliharaan yang mampan untuk kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan warisan.

"Pihak kami akan berani dan pada masa yang sama, berhati-hati, dalam menerokai dan bereksperimen dengan metodologi baru untuk mengatasi masalah umum yang selalu dialami bangunan warisan di George Town. Masalah-masalah ini termasuk kebocoran pada bahagian bumbung, keretakan struktur bangunan, kelembapan yang tinggi pada dinding, kerosakan pada plaster dinding, kerosakan pada kayu dan lain-lain. Keseluruhan proses projek ini akan didokumentasikan dalam bentuk video dan akan dikongsi sebagai kaedah pembelajaran bersama dengan komuniti tempatan dan profesional tentang kaedah pemuliharaan bangunan warisan setelah projek ini siap," katanya.

Dalam majlis tersebut, Dr Ang turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada penaja projek (iaitu Terracota Tiles Sdn Bhd, CaO, Trilink, Terreal Malaysia Sdn Bhd, Kansai Paint, Niro Granite, Springfields, USG Boral, and Roca Malaysia Cawangan Pulau Pinang). Beliau juga menjemput penaja lain yang berminat untuk menghubungi George Town World Heritage Incorporated dan menyertai fasa baru dalam pemuliharaan bangunan warisan.

Satu lawatan tapak telah dilaksanakan oleh Ar. Tan Bee Eu daripada BETA Architects pada majlis yang turut dihadiri oleh YB Daniel Gooi Zi Sen (Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kota dan Ahli Lembaga Pengarah George Town World Heritage Incorporated), Puan Ambika Devi A/P Daran (Penolong Setiausaha Kanan, Pentadbiran Am dan Keselamatan), Cik Fazreen Dharleila bt Abdul Jalil (Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang), Sr Saw Soon Kooi (Pengarah Urusan Kuantibina Sdn Bhd), dan Encik Yeap Kean Choon (Pengarah Kean Choon Construction Sdn Bhd).

Projek ini dianggarkan bernilai RM1.6 juta dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2021.

/tamat

**Untuk perhubungan media, sila hubungi:**

Josephine Jalleh  
Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kolaborasi  
George Town World Heritage Incorporated  
017-446 5366, josephine@gtwhi.com.my